



TEKS UCAPAN

**YB TIMBALAN MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI
& HAL EHWAL PENGGUNA
DATO' ROSOL BIN WAHID**

MAJLIS PERASMIAN

**PROGRAM JELAJAH FRANCHISE BAY
PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2022**

11 JUN 2022, SABTU

ANGSANA MALL, JOHOR BAHRU

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

Yang Berhormat Tuan Lee Ting Han

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Pengurus Angsana Johor Bahru Mall

Pengarah Negeri Johor

Pengarah-pengarah Bahagian, Wakil-wakil Syarikat Francaisor, Usahawan-usahawan tempatan; sahabat-sahabat media dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita berkumpul bersama-sama di **Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Johor Tahun 2022** di Angsana Johor Bahru Mall ini.

2. Sebelum memulakan ucapan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada 24 Syarikat Francais yang mengambil bahagian dalam siri jelajah kali ini, Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan tidak ketinggalan Kompleks Kraf Johor di atas penyertaan serta sokongan bagi menjayakan program kita pada hari ini.

3. Syukur Alhamdulillah, situasi COVID-19 di negara kita semakin terkawal dan membolehkan kita meneruskan aktiviti-aktiviti dengan peralihan ke fasa endemik sejak 1 April lalu. Selaras itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga kembali merencanakan usaha dan inisiatif menyokong pengembangan perniagaan francais menerusi program yang telah dirancang dan tergendala ketika pandemik yang lalu. Menjadi harapan kami di KPDNHEP supaya program-program yang disusun dapat menjadi platform terbaik untuk para usahawan mempromosikan perniagaan mereka dan

bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi negara.

Pameran Francais Berskala Kecil (Franchise Bay)

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program Franchise Bay ialah siri pameran melibatkan **penyertaan syarikat francais bagi mempromosikan perniagaan mereka kepada orang ramai yang berminat** untuk menjadi usahawan dan kumpulan peniaga yang ingin menceburi perniagaan berkonsep francais. Penyertaan dalam program ini melibatkan franchisor induk iaitu individu / syarikat yang memegang hak perniagaan francais di bawah tanda dagangan atau nama dagang mereka di Malaysia.

5. Selain itu, melalui program ini juga, **bakal-bakal usahawan didedahkan dengan sistem-sistem perniagaan francais, pakej-pakej latihan dan pembiayaan** yang disediakan oleh Kerajaan. Peluang ini wajar direbut oleh rakyat dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi diri dan keluarga masing-masing.

6. **Mungkin masih ramai yang belum begitu maklum dengan perniagaan francais yang merupakan satu platform terbaik, mudah dan lebih cepat berkembang kerana sesuatu**

jenama francais itu sudah dikenali ramai. Dalam aspek ini, dengan manual perniagaan yang berstruktur dan bersistem serta latihan dan pemantauan rapi oleh francaisor, ia menjadi nilai tambah yang membantu mempercepatkan pengembangan dan pertumbuhan perniagaan oleh usahawan francais.

7. Untuk makluman hadirin sekalian, Siri Pertama Jelajah Franchise Bay bagi tahun 2022 telah dirasmikan oleh **Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 28 Mei 2022 di Kuching, Sarawak. Program pada hari ini adalah siri kedua yang bermula 9-11 Jun 2022 dan insyaAllah, siri-siri seterusnya dijadual akan dilaksanakan di **Pahang (15-17 Julai 2022)**, **Selangor (19-21 Ogos 2022)** dan yang **terakhir di Negeri Kedah (17-19 November 2022)**. Kesedaran kepada masyarakat berhubung potensi perniagaan francais perlu diketengahkan dari semasa ke semasa agar perniagaan francais Malaysia dapat berkembang dengan sempurna.

8. Berdasarkan **Laporan Francais Bay siri 1/2022** yang telah dilaksanakan di negeri Sarawak dari 27 hingga 29 Mei 2022, sebanyak 15 francaisor tempatan telah terlibat. Hasil daripada penganjuran program ini, 59 potensi francais telah mendapatkan khidmat nasihat dan mengemukakan hasrat

mereka untuk menjadi francais dengan nilai potensi pelaburan dijangkakan adalah sebanyak RM24 juta.

9. Untuk Franchise Bay peringkat negeri Johor ini pula, Kementerian mensasarkan sekurang-kurangnya akan menarik 30 potensi francais baharu dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM7.5 juta.

Francais Mampu Milik dan Francais Mikro

Hadirin sekalian,

10. Kementerian menawarkan dua program khusus untuk membantu pertumbuhan perniagaan francais iaitu menerusi Francais Mikro dan Mampu Milik dengan peruntukan RM5 juta. Jika sebelum ini modal besar sehingga ratusan ribu ringgit diperlukan untuk yang berminat melabur dalam perniagaan francais, dengan dua program ini, bakal usahawan hanya perlu mengeluarkan modal di bawah RM100,000.

11. Dengan modal di bawah RM100,000, diyakini lebih ramai bakal usahawan terutama lepasan universiti berpeluang menceburi bidang perniagaan dan tidak hanya terkepung dalam lingkungan pencari kerja, sebaliknya dapat meneroka ruang sebagai penyedia peluang pekerjaan kepada belia lain.

12. Dengan kewujudan program ini juga, ia dapat memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40 untuk meningkatkan taraf hidup dengan menjana pendapatan sebagai peniaga francais serta mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Antara jenama-jenama yang bersama kita pada hari ini menawarkan pakej Francais Mikro dan Mampu milik adalah **Procleaners, Global Art, Arjuna Village, HOME dan Vagromart.**

13. Sehingga hari ini, di bawah program Francais Mikro dan Mampu Milik juga, sebanyak **33 permohonan Geran Padanan (*Matching Grant*) berjumlah RM2.4juta** telah diluluskan oleh Kementerian di bawah Program. Manakala, bagi permohonan **Geran Penuh (*Full Grant*), sebanyak 14 permohonan telah diluluskan berjumlah RM1.4 juta.**

14. **Di kesempatan ini saya juga ingin berkongsi mengenai peranan MyIPO. Bagi memastikan para pemilik francais dan usahawan memaksimakan prospek perlindungan kepada produk dan jenama, adalah digalakkan untuk para pemilik membuat pendaftaran harta intelek. Pendaftaran harta intelek akan memberi hak eksklusif kepada pemilik harta intelek dan berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang menggunakannya tanpa kebenaran.**

15. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) mempunyai pejabat cawangannya di Johor Bahru ini iaitu di Menara Ansar, Johor Bahru. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua pemilik perniagaan untuk mengambil peluang ini bagi mendaftarkan produk mereka sama ada Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian atau Hak Cipta di MyIPO.

16. Saya juga ingin berkongsi kepada anda semua di sini mengenai delegasi lawatan kerja dan misi perdagangan francais yang saya ketuai ke Arab Saudi dan Mesir awal bulan lalu. Untuk makluman, setakat ini, lebih 68 jenama francais tempatan telah dan mula berkembang sebagai kuasa perniagaan yang bereputasi tinggi di 74 negara asing. Saya melihat potensi besar untuk graduan kita di sana menceburi bidang francais. Ini dalam masa sama akan mempercepatkan pertumbuhan francais tempatan di persada antarabangsa. Saya berbangga melihat jenama francais Malaysia mendapat negara Timur Tengah. Arab Saudi dan Mesir turut menyatakan minat ingin menjalin kerjasama dua hala dengan KPDNHEP untuk memperluaskan lagi jaringan perniagaan francais Malaysia di sana.

Harapan Kementerian

17. Sehubungan itu, Kementerian berharap setiap pempamer dapat memanfaatkan program ini dengan sepenuhnya dalam meluaskan jenama masing-masing. Buat para pengunjung Angsana Johor Bahru pula, sudi-sudilah luangkan masa anda untuk mengenali perniagaan francais dan produk-produk buatan tempatan dengan lebih dekat disamping turut mengwar-warkan program yang dianjurkan ini kepada keluarga dan rakan-rakan.

Penutup

18. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Johor, Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), dan pihak Francaisor di atas kesudian anda dalam menjayakan program di Angsana Johor Bahru *Mall*. Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan dan penggiat industri dapat memberikan sokongan yang berterusan bagi menjayakan semua program anjuran Kementerian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

19. Dengan ini, saya merasmikan **Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Johor Tahun 2022.**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.